

Pemuda UMNO mahu kerajaan saksamakan jurang Melayu dan kaum lain menjelang 2020

Agenda Nasional Baru

um - 23/7/2005

KUALA LUMPUR 22 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mencadangkan supaya semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) diserapkan ke dalam satu gagasan dikenali sebagai Agenda Nasional Baru (ANB).

ANB bermatlamat untuk mengsaksamakan jurang Melayu dan bukan Melayu menjelang Malaysia muncul sebagai negara maju, 14 tahun dari sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam reaksi segeranya selepas mengakhiri hari kedua Perhimpunan Agung UMNO petang ini berkata, kerajaan sedia menimbang cadangan itu bagi memastikan ekuiti 30 peratus orang Melayu dalam pelbagai bidang tercapai.

Serentak itu, kata beliau, kerajaan akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi menyediakan beberapa pelan tindakan ke arah pelaksanaan ANB.

Bahang ke arah cadangan tersebut mula tercetus apabila Pemuda semasa perhimpunan agung tahunan mereka Rabu lalu mendesak UMNO menggunakan kuasa politiknya menyuntik semula semangat DEB dalam usaha menangani soal kehakisan kepentingan Melayu.

Usaha itu semakin menyemarak dan menjadi kenyataan apabila Naib Ketua, Khairy Jamaluddin pagi ini membangkitkan cadangan tersebut semasa membentangkan usul ekonomi pada perhimpunan agung parti itu.

● Reaksi penuh PM - Muka 2

Katanya, melalui ANB, agenda Melayu perlu dizahirkan secara jelas dan terperinci dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) supaya pencapaiannya dapat dinilai dari semasa ke semasa.

Jelas Khairy lagi:

"Ini perlu dilakukan bagi mencapai matlamat yang diinginkan seperti pegangan ekuiti, tahap pendapatan, pemilikan hartanah, pemilikan harta intelek serta tahap penyertaan Bumiputera ke dalam bidang-bidang baru.


"Kita jadikan agenda Melayu sebagai kompas perjuangan bangsa. Tidak ada apa yang perlu diragukan, (sebaliknya) kita harus lebih malu sekiranya setelah sekian lama agenda yang dilaksanakan ia masih gagal dijayakan sepenuhnya."

Pergerakan Wanita UMNO dalam reaksinya kepada *Utusan Malaysia* turut menyokong penuh cadangan itu.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz dalam ulasannya berkata:

"Pelaksanaan ANB perlu mengikut momentum dan pendekatan baru tetapi dengan meneruskan semangat DEB dulu.

"Antara perubahannya ialah dengan memastikan pengagihan subsidi dilakukan mengikut keperluan iaitu pemberian yang bertepatan, betul dan efektif. Mana yang patut tak diberi subsidi lagi jangan subsidi, mana yang patut ditambah sub-



SERIOUS... ABDULLAH Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh perwakilan pada hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur semalam. (Lagi laporan, gambar di muka 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 12, 17, 18 dan 19)